



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

27 MEI 2022 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHVAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

27 MEI 2022 (JUMAAT)

Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010

Pindaan dua akta jangka ke Parlimen seawal Oktober

Tindakan sekat kartel dalam proses dapat input untuk strategi lebih berkesan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Proses pindaan Akta Persaingan 2010 (AP2010) dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (ASP2010) bagi menangani isu kartel, kini pada peringkat sesi rundingan awam sebelum ia dijangka dapat dibentangkan di Parlimen seawal Oktober ini.

Rundingan awam itu yang turut membabitkan sektor industri bertujuan mendapatkan input supaya pindaan akta terbabit lebih efektif bagi memastikan tiada monopoli dalam ekonomi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata draf pindaan itu juga sedang disemak Bahagian Undang-Undang (BUU) kementerian sebelum ia dihantar ke Pejabat Peguam Negara dalam

masa terdekat.

Pindaan dua akta berkenaan penting untuk KPDNHEP melindungi pengguna daripada menjadi mangsa kartel atau monopoli yang boleh meningkatkan kos sara hidup jika tidak dibendung.

Rundingan awam secara dalam talian untuk mendapatkan input bertulis sudah mula dijalankan pada 25 April lalu dan akan tutup esok (hari ini), manakala bagi agensi kerajaan secara fizikal akan dilaksanakan pada 7 Jun ini di Hotel Everly, Putrajaya.

Sementara rundingan awam untuk pemain industri dan orang awam akan dibuat di Hotel Aloft di KL Sentral pada 8 Jun dan kita mengalu-alukan semua hadir dengan mendaftar melalui laman web MyCC (Suruhanjaya Persaingan Malaysia).

Sesi libat urus terdahulu turut membabitkan agensi persaingan asing dari Jepun, Filipina, Afrika Selatan, United Kingdom (UK) dan Ireland serta Bank Dunia.

"Pindaan ini dijangka dibentangkan di Parlimen antara Oktober dan Disember bergantung kepada takwim Parlimen," katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas laporan *BH* bahawa MyCC mengesan wujud kecenderungan syarikat melakukan penggabungan, sekali gus boleh menyebabkan monopoli yang mengurangkan persaingan dalam pasaran.

Susulan itu, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, dilaporkan berkata larangan terhadap penggabungan yang mengurangkan persaingan akan diperkenalkan kerajaan dalam usaha menangani amalan antipersaingan dalam pasaran di negara

ini selepas pindaan Akta 712 diluluskan kelak.

Pada masa sama Alexander berkata, pindaan akta terbabit juga adalah penting bagi mengukuhkan lagi fungsi serta kuasa dalam mengawal selia serta merancakkan pasaran tempatan. Pindaan juga bertujuan melindungi dan memastikan kemajuan pemain mikro, kecil serta sederhana daripada risiko kartel.

"Pindaan membabitkan kedua-dua akta di bawah bidang kuasa MyCC ini sudah mendapat kelulusan polisi daripada Kabinet pada Disember lalu.

"Pindaan utama bertumpu kepada AP2010 yang akan memperkenalkan kuasa baru kepada MyCC iaitu Rejim Kawalan Penggabungan dan Pengambilalihan," katanya.

Ia juga membabitkan penambahbaikan kepada kuasa penyiasatan, penguatkuasaan, rejim longgaran dan rayuan termasuk untuk berdepan dengan isu ekonomi digital.

Ia bertujuan menangani isu kartel dan penyalahgunaan dominan atau monopoli dalam kalangan pemain industri.

"Sebenarnya sesi libat urus sudah dijalankan sejak tahun 2019 terutama dengan agensi kerajaan dan pemain industri antaranya Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia, firma guaman dan persatuan bank pelaburan," katanya.

Pindaan dua akta ini penting untuk KPDNHEP melindungi pengguna daripada menjadi mangsa kartel atau monopoli yang boleh meningkatkan kos sara hidup jika tidak dibendung



Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan
Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Ministry seeks feedback on sale of cooking oil

SANDAKAN: Consumers in Sabah have been advised to provide information to the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry on irregularities in the sale of cooking oil in the state.

Its minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said although continuous checks were conducted by the ministry's enforcement team, information from the public would be helpful for the ministry in combating such irregularities.

"We may not know everything, so we need the cooperation of all parties to provide us with information.

"Don't be afraid because we have various channels for the public to forward their complaints and feedback to us," he said after conducting an inspection on the price and supply of goods under the 2022 Kaamatan Festive Season Maximum Price Scheme yesterday.

He was responding to questions on the issue of malpractices in the sale of subsidised cooking oil in the east coast of Sabah, with claims that some parties were selling it to the neighbouring countries or repacking it and reselling it at a higher price in the local market. - Bernama

APMM gagalkan cubaan dua lelaki seludup keluar barang kawalan

Tawau: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menggagalkan cubaan dua lelaki menyeludup keluar barang kawalan termasuk 27 tong gas cecair petroleum (LPG) tanpa permit di perairan Kuala Sungai Melayu, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Tawau, Kepten Maritim Shahrizan Raman berkata, pihaknya mengesan dua bot kargo mencurigakan bergerak secara bersama dari arah Sungai Tawau menuju ke Pulau Sebatik, pada kedudukan 1.9 batu nautika timur laut Kuala Sungai Melayu, kira-kira jam 5.15 petang.

Menurutnya, pihaknya kemudian menahan kedua-dua bot kargo terbabit untuk pemeriksaan.

"Pemeriksaan pada bot pertama dikendalikan tekong berusia 55 tahun menemukan lima tong gas LPG di-



APMM menahan bot kargo membawa barang kawalan disyaki cuba diseludup keluar ke negara jiran menerusi Ops Sejahtera di kawasan perairan Kuala Sungai Melayu.

sembunyikan di sebalik timbunan kotak.

"Manakala, pemeriksaan atas bot kargo dikendalikan tekong berusia 49 tahun menemukan barangan runcit serta 22 tong gas LPG disembunyikan di ruang tertutup di dalam bot

kargo itu," katanya menerusi satu kenyataan media di sini, semalam.

Shahrizan berkata, kedua-dua tekong gagal mengemukakan sebarang dokumen atau permit berkaitan pemilikan barangan kawalan itu sebelum me-

reka dan bot serta barangan itu dibawa ke Jeti Zon Maritim Tawau untuk siasatan lanjut.

"Nilai keseluruhan barangan rampasan termasuk dua bot kargo berserta enjin dianggarkan berjumlah RM80,000," katanya.



BEBERAPA pekerja Jukee Ayam sedang membersihkan ayam sebelum diedarkan ke empat buah negeri yang mengalami kekurangan bahan mentah berkenaan sejak minggu lalu.

Mampu atasi kekurangan sehingga 30,000 ekor

Bawa masuk ayam hidup Siam tampung bekalan

Oleh TOREK SULONG

KOTA BHARU – Bagi mengatasi krisis bekalan ayam daripada terus menekan pengguna sehingga terpaksa berbelanja besar, kerajaan dicadang untuk membenarkan pembekal membawa masuk ayam hidup dari Thailand.

Pemilik Jukee Ayam, Zukila Deraman berkata, sekiranya langkah itu dibenarkan, kira-kira 10,000 hingga 30,000 ekor ayam mampu diagihkan ke seluruh negara sekali gus mengimbangi eksploitasi harga bahan mentah itu yang semakin meningkat.

Menurut pembekal ayam proses terbesar di Kelantan itu, ayam dari negara jiran berkenaan lebih murah dan segar.

"Langkah itu dapat mengurangkan kuasa jualan pengusaha ladang ternakan ayam tempatan yang sebelum ini didakwa didominasi oleh sesetengah pihak yang memainkan peranan utama dalam kenaikan harga sejak kebelakangan ini.

"Ayam hidup dari Thailand

perlu dibawa masuk menerusi Rantau Panjang, disembelih dan diproses sendiri pengusaha tempatan dengan pematuhan syariah bagi mengelakkan wawas," katanya ketika dihubungi Kosmo semalam.

Jelasnya, langkah itu perlu dikaji dan dipertimbangkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Dalam pada itu, Zulika memaklumkan, setiap hari pihaknya mengedarkan sebanyak 17,000 ekor ayam proses kepada pembekal di empat buah negeri yang mengalami krisis bekalan bahan mentah sejak minggu lalu.

Empat buah negeri berkenaan ialah Terengganu, Pahang, Kedah dan Kuala Lumpur.

"Setiap hari saya mendapat panggilan daripada pembekal di negeri berkenaan yang memerlukan ayam demi kelangsungan perniagaan.

"Disebabkan kami mempunyai lebihan, maka bekalan di-

salurkan kepada mereka dengan peringatan agar tidak menjual pada harga tinggi sehingga menyusahkan pengguna," ujarnya.

Sementara itu, di **Johor Bahru**, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Mohd. Hairul Anuar Bohro mengakui terdapat kekurangan bekalan di kawasan-kawasan tertentu di negeri berkenaan berikutan permintaan tinggi.

"Ada beberapa tempat yang mana permintaan terhadap ayam adalah tinggi dan menyebabkannya cepat habis, tetapi ia boleh ditangani dan terkawal.

"Bekalan ayam ini sepenuhnya di bawah Jabatan Perkhidmatan Veteriner, manakala kita akan sentiasa memantau dan memeriksa sekiranya terdapat masalah dan sebagainya," katanya.

Sehubungan itu katanya, KPDNHEP Johor akan menjalankan pemantauan setiap hari bagi memastikan bekalan dan harga jualannya mengikut had ditetapkan kerajaan.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM8.90
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99
• Daging Lembu Import	RM28
• Telur Gred A	RM12.60
• Ikan Kembung	RM10.90
• Minyak Masak	RM6.70
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.50
• Bawang Putih	RM5.49
• Cili Merah	RM11.90
• Kubis Tempatan	RM4.00
• Tepung Gandung	RM2.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPNHEP